

**Pendekatan jaga kepentingan rakyat – Najib  
Utusan Online  
22 Jun, 2012**

PUTRAJAYA 21 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengetengahkan beberapa pendekatan tertentu kepada warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai agensi barisan hadapan yang menjaga kepentingan rakyat.

Perdana Menteri berkata, pendekatan tersebut adalah membantu memastikan ekonomi negara terus berkembang agar hasil negara dapat digunakan untuk membangunkan bidang sosial KPWKM termasuk soal kebajikan rakyat dan modul kebajikan reproduktif yang mampan.

"Jika ekonomi membangun, kadar pertumbuhan tinggi, hasil negara bertambah, sebahagian darinya adalah sumber kewangan yang kita patut agih-agihkan kepada sektor sosial dan kebajikan sekali gus membolehkan mereka yang memerlukan bantuan mendapat sumber kewangan mampan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga KPWKM dalam lawatan pertamanya ke kementerian itu di sini hari ini.

Pada majlis tersebut Perdana Menteri turut merakamkan ucapan terima kasih kepada bekas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan akan meneruskan program-program yang telah beliau rancang.

Perdana Menteri juga mahu KPWKM bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan, syarikat atau yayasan menganjurkan program pembangunan yang mampu menjana pendapatan untuk disalurkan kepada kumpulan sasaran.

Beliau memberi contoh, sebuah kawasan lapang di Seri Perdana seluas 1.6 hektar dan sebuah kawasan lain seluas 0.8 hektar yang ditanam *rock melon* kini sudah membuahkan hasil lumayan.

""Jangan ingat Seri Perdana tak keluarkan hasil, ia boleh jana pendapatan. Menerusi empat ekar campur dua ekar yang diusahakan (syarikat berkenaan) di tempat lain, tahun sudah kita dapat raih lebih RM600,000 (melalui tanaman *rock melon* itu).

"Isteri saya (Datin Seri Rosmah Mansor) beri kepada persatuan ibu tunggal, tahun ini dia dapat hasil RM550,000, diberi kepada persatuan kanak-kanak autistik," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0622&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_08.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0622&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm)